

26 JUN 1996

Muhyiddin-Kapalterbang

TUJUH PELATIH BELAJAR BINA KAPALTERBANG DI AMERIKA

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Seramai tujuh orang pelatih akan menjalani program latihan merekabentuk, membina dan menerbangkan "Kitplane" di Amerika Syarikat (AS) di bawah program perintis Kementerian Belia dan Sukan untuk menyediakan latihan kepakaran dalam bidang pesawat kecil di negara ini.

Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata mereka akan diberi pendedahan dalam kemahiran tersebut selama lima minggu di Pusat Penerbangan Kapalterbang Ujian di Oshkosh, Wisconsin.

"Kitplane di sini membawa maksud pesawat kecil yang dibina sendiri oleh individu dan ia dipandu sendiri setelah di bina," katanya di majlis penyerahan bendera kepada pelatih-pelatih tersebut di sini, hari ini.

Mereka terdiri daripada tiga lulusan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di bidang Kejuruteraan Jentera (Aeronautik), tiga dari Kelab Penerbangan Tempatan dan seorang daripada Persatuan Kapalterbang Ujian Malaysia.

Kos pembiayaan program bagi pelatih-pelatih yang akan berlepas esok itu dianggarkan RM165,000, termasuk kos yuran latihan, makan minum, penginapan, pengangkutan dan tambang penerbangan yang ditaja sepenuhnya oleh Kementerian.

Muhyiddin berkata objektif program itu bertujuan menggalakkan para belia dan orang ramai membina dan memandu sendiri "Kitplane".

"Program ini akan dijadikan sebahagian daripada program Rakan Muda dengan penubuhan kelab-kelab berkenaan di seluruh negara. Saya harap kumpulan perintis ini akan menjadi tenaga pengajar nanti," kata beliau.

Program ini telah dipersetujui oleh Kabinet pada Ogos tahun lepas dan ia diberi perhatian sendiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas beliau pulang dari lawatannya di Pameran Udara Oshkosh di Wisconsin pada tahun yang sama, katanya.

Menurut rancangan, "Kitplane", yang berharga antara RM60,000 hingga RM70,000 setiap satu, akan siap dibina di sini oleh pelatih-pelatih menjelang akhir tahun ini.

Pelatih-pelatih ini akan menggunakan kemudahan-kemudahan di Kem TUDM di Sungai Besi untuk membina "Kitplane", kata Muhyiddin yang berharap mereka dapat merekabentuk model sendiri di masa depan. -- BERNAMA

AR PR